

Majalah Warta Majlis Agama Islam Johor: Tinjauan Tuan Haji Hassan Bin Ismail Dalam Ilmu Tajwid Dan Qiraat Di Malaysia

Mohd Hasbie Al-Shiddieque Bin Ahmad

Fakulti Pengajian Quran Sunnah,
Universiti Sains Islam Malaysia,
Bandar Baru Nilai, 71800,
Nilai Negeri Sembilan, Malaysia
Emel: hasbieahmad@raudah.usim.edu.my

Khairul Anuar Bin Mohamad

Univerisiiti Sains Islam Malaysia
khairul@usim.edu.my

Samer Najeh Abdullah Samarh

Univerisiiti Sains Islam Malaysia
samernajeh@usim.edu.my

ABSTRAK

Majalah Warta Majlis Agama Islam Johor merupakan antara majalah yang kedua awal setelah majalah pengasoh terbitan Majlis Agama Islam Kelantan. Tujuan utama penerbitan Majalah Warta adalah semata-mata untuk menyediakan ruang pembacaan yang berkaitan agama Islam dalam perlbagai bidang seperti Aqidah, Tafsir, Fiqh, Tasawur, al-Quran, Tajwid dan sebagainya. Kajian ini adalah untuk mengetegahkan tinjauan Tuan Haji Hasasn bin Ismail dalam bidang tajwid al-Quran di Malaysia. Analisis kandungan dijadikan sebagai method utama dalam kajian ini dan disokong oleh kajian perpustakaan. Hasil kajian mendapati bahawa kekurangan penerbitan buku-buku tajwid dalam Bahasa Melayu menyukarkan masyarakat untuk menguasai ilmu tajwid pada eranya. Oleh demikian, penulisan buku tajwid dalam Bahasa Melayu amat sukar didapati pada zamannya. Tambahan pula masyarakat masih kurang pendedahan terhadap pengajian al-Quran secara khusus.

Kata Kunci: Majalah Warta, Hassan bin Ismail, Ilmu Tajwid.

Pengenalan

Pengajian al-Quran seharusnya dilaksanakan dengan cara bertalaqqi dan musyafahah bersama guru yang mursyid yang mempunyai rangkaian jalur yang terus ke pada Nabi Muhammad SAW. Tambahan pula, Nabi Muhammad SAW menghantar beberapa orang Sahabah RA yang mahir dalam al-Quran untuk mengajar al-Quran sekali gus menjadi rujukan utama bagi tempat tersebut. Sepertimana yang diutuskan Muaz bin Jabal ke negeri Syam sebagai guru al-Quran dan menjadi rujukan di kalangan pendudukan Syam. Amalan ini diamalkan dari zaman Nabi Muhammad SAW kemudian diwarisi oleh golongan Sahabah RA dan Tabi'in.

Berdasarkan pemerhatian Tuan Haji Hassan bin Ismail mendapat beberapa tokoh ulama al-Quran di kalangan Melayu mempunyai kepakaran dalam ilmu al-Quran dan menjadi rujukan pada zaman mereka. Kepakaran tokoh-tokoh ulama al-Quran di kalangan bangsa Melayu perlu dibanggakan kerana kebanyakan di kalangan mereka menjadi rujukan bagi bangsa Arab dan ada yang memuji kealiman tokoh al-Quran. Oleh yang demikian, Tuan Haji Hassan bin Ismail mendedahkan beberapa orang tokoh ulama al-Quran di kalangan Melayu dan sumbangan mereka terhadap masyarakat setempat. Pendedahan ini dimuatkan dalam Majalah Warta Jabatan Agama Islam Johor.

Pengenalan Tuan Haji Hassan Bin Ismail

Tuan Haji Hassan Bin Ismail adalah nama yang tidak perlu dipertikai di kalangan masyarakat Johor terutamanya tempat lahir beliau iaitu daerah Segamat, Johor. Tuan Haji Hassan Bin Ismail dilahirkan pada 11 Februari 1916 M di kampung Lubuk Batu, Segamat, Johor hasil daripada perkongsian hidup Tuan Haji Hassan Bin Yusof Bin Haji Penghulu Nur Ad-Din bersama Cik binti Abdul Wahab (Ungku Mohd Zaman Tahir, 2001).

Tuan Haji Hassan Bin Ismail dididik mengikut acuan keagamaan hasil daripada sentuhan ayah dan datuk beliau yang disegani oleh masyarakat setempat disebabkan kealimannya. Ini membuktikan bahawa datuk beliau iaitu Haji Penghulu Nur Ad-Din merupakan seorang yang alim dan bertakwa. Kemudian ayah beliau merupakan ulama yang terkenal pada zamannya di samping pernah memegang jawatan sebagai Kadi di daerah Segamat, Johor.

Nasab dan keturunan Tuan Haji Hassan Bin Ismail

Tuan Haji Hassan bin Ismail merupakan keturunan tokoh ulama yang berasal dari Pulau Sulawesi, Sumatera, Indonesia. Ayah beliau iaitu Haji Yusof bin Haji Penghulu Nur al-din merupakan seorang ulama yang alim lagi warak dan masyhur di kalangan masyarakat setempat. Beliau dibesarkan Suasana keagamaan dan kesederhanaan. ini terbukti melalui pekerjaan datuk beliau yang bekerja sebagai petani dan juga merupakan seorang tukang rumah di tempatnya. Menurut Abd Mutalib Bin Abd Rahim, kepakaran datuknya dalam pertukangan jelas dapat dilihat hasil tukangannya menerusi pembinaan rumah Datuk beliau di kampung Lubuk Batu Segamat, Johor dengan dibantu oleh penduduk kampung sekitarnya. sekaligus menunjukkan bahawa Haji Yusof adalah orang yang senang didampingi masyarakat setempat (Abd Mutalib Abd Rahim, 2008).

Melalui kepakaran dan ilmu yang dikurniakan oleh Allah kepada datuknya Haji Yusof, kepakaran dan ilmu itu diwarisi oleh ayahnya iaitu Haji Ismail bin Haji Yusof. Hal ini dapat di buktikan melalui pencapaian ayahnya yang diberi amanah untuk memegang jawatan kau di daerah Segamat. Haji Ismail dididik dan diberi perhatian penuh secara langsung oleh ayahnya semasa kecil. Pernah berlaku satu peristiwa ketika Haji Ismail di usia 2 tahun, Haji Yusof bersiar-siar pada satu malam, tiba-tiba kelihatan sebatang pokok kelapa yang tidak berapa tinggi sedang membongkok batangnya berhampiran dengan Haji Yusof seolah-olah pokok kelapa itu sedang sujud menunaikan solat. Menyedari Peristiwa itu Haji Yusof terus mendapatkan anaknya dan terus mendokongnya sambil memerhati pokok kelapa itu yang masih membongkok. Peristiwa ini disampaikan oleh cucu menantu Haji Yusof yang menegaskan bahawa beliau pernah mendengar secara langsung kisah tersebut dari bapanya. Berdasarkan kepada peristiwa tersebut Haji Yusof beranggapan bahawa ini

merupakan satu alamat atau petanda yang baik bagi anaknya iaitu Haji Ismail (Ungku Mohd Zaman Tahir, 2001).

Setelah Haji Ismail menamatkan pengajiannya dalam bidang yang diceburi kemudian beliau diberi amanah untuk memegang jawatan sebagai Naib Kadi Daerah di Johor. Menurut Mohd Zaman Tahir, Haji Ismail merupakan Kadi pertama di daerah, Segamat, Johor dan berapa daerah di Johor seperti Muar. Sepanjang memegang jawatan sebagai Naib Kadi Segamat selama lima tahun bermula dari 4 Jun 1908 hingga 14 Julai 1914 Haji Ismail tidak menerima apa-apa bayaran baik gaji mahupun imbuhan (Ungku Mohd Zaman Tahir, 2001).

Setelah memegang jawatan sebagai Kadi di daerah Segamat Haji Ismail menamatkan masa bujangnya bersama gadis pilihan yang bernama Cik binti Abdul Wahab berasal dari Batu Pahat Johor. Melalui perkahwinan ini Haji Ismail dikurniakan lima orang cahaya mata dan kesemuanya lelaki. Anak Haji Ismail bersama isteri pertamanya ialah:

1. Muhammad bin Ismail
2. Omar bin Ismail
3. Abd Aziz bin Ismail
4. Husin bin Ismail
5. Hassan bin Ismail.

Oleh yang demikian, Haji Hassan bin Ismail merupakan anak bongsu kepada pasangan Haji Ismail bin Yusof dengan Cik binti Abdul Wahab. Ibu Haji Hassan berasal dari Batu Pahat Johor. Pada tahun 1918, ibu Haji Hassan telah meninggal dunia ketika beliau berusia dua tahun. Ini membuktikan bahawa Tuan Haji Hassan bin Ismail dibesarkan oleh ayahnya dan dikenali sebagai anak yatim.

Setelah kematian isteri pertama, Haji Ismail telah berkahwin dengan Hajah Hasmah binti Haji Mohd Noor. Melalui perkahwinan kali kedua, Haji Ismail dikurniakan 10 orang cahaya mata. Berdasarkan kajian Abd Mutalib bin Abd Rahim pada tahun 2008 mendapati bahawa lima daripada anak Haji Ismail telah meninggal dunia dan lima lagi masih hidup. Ini disokong oleh dapatan Tengku Mohd Zaman Tahir. Antara Anak Haji Ismail bersama pasangan Hajah Hasmah binti Haji Mohd Noor yang masih hidup ialah Haji Yusof bin Ismail, Hajah Asiah binti Ismail, Hajah Rahmah binti Ismail, Haji Salleh binti Ismail, dan Hajjah Zainab binti Ismail. Sehingga kini, pengkaji tidak dapat mengenal pasti sama ada lima orang anak Haji Ismail yang dinyatakan oleh Abd Mutalib bin Abd Rahim bersama isteri yang kedua sama ada masih hidup atau meninggal. Sekali gus membuktikan bahawa Haji Ismail mempunyai 15 cahaya mata dari perkongsian hidup bersama Cik binti Abdul Wahab dan Hajah Hasmah binti Haji Mohd Noor.

Pendidikan Tuan Haji Hassan Bin Ismail

Tuan Haji Hassan bin Ismail menerima didikan awal secara tidak rasmi melalui asuhan bapanya secara langsung iaitu Tuan Haji Ismail bin Yusof. Ayahnya telah menerapkan pendidikan al-quran kepadanya seawal usia enam tahun. Berbeza dengan kanak-kanak yang seusia dengan Haji Ismail pada ketika itu ramai di kalangan kanak-kanak yang menerima didikan sekolah secara rasmi kerajaan. Melalui pendedahan awal yang diterap oleh ayahnya berkaitan kepentingan pengajian al-quran, Haji Hassan bin Ismail telah khatam al-quran di awal usia kanak-kanak. Ketegasan ayahnya telah mendorong Haji Hassan supaya lebih cenderung kepada budaya menuntut ilmu dan

membaca al-quran. Oleh itu, beliau mengisi masa lapang dengan perkara yang berfaedah. (Abd Mutalib Abd Rahim, 2008, p. 26)

Pada tahun 1924, Haji Hassan telah merantau ke Mekah untuk mendalami ilmu al-quran. Ketika itu beliau berusia 10 tahun. beliau Mengambil kesempatan semasa berada di Mekah untuk menghafal al-quran di Masjidil Haram. Pada tahun 1930 hingga 1934 Haji Hassan menyambung pengajiannya di Madrasah Dar al-Ulum ad-Diniyyah Makkah al-Mukarramah. Pada usia 15 tahun, beliau sudah bergelar seorang Hafiz al-quran. Berbekalkan semangat pelajar yang tinggi, Haji Hassan bin Ismail melanjutkan pengajiannya di Madrasah al-Tajwid Wa al-Qiraat al-Salabiyyah, Kaherah dari tahun 1936 hingga 1940. Madrasah al-Tajwid Wa al-Qiraat al-Salabiyyah di bawah pentadbiran al-Jamiah al-Ammah Li al-Muhafazah 'Ala al-Quran al-Karim. Dalam tempoh tersebut beliau memperolehi ijazah dan Syahadah tajwid dan al-qiraat pada tahun 1940. Kesungguhan beliau dalam menceburi bidang al-quran membuahkan hasil apabila beliau mampu menamatkan pengajiannya di Maahad al-Qiraat Al Azhar, Mesir dalam bidang Takhassus al-Quran pada tahun 1945. Ketika itu beliau berusia 31 tahun.

Haji Hassan bin Ismail telah menerima ijazah bacaan qiraat aṣyarah al-Sughra bersama guru beliau iaitu al-Alim al-Faḍhil al-Muqri Sheikh al-Qurrā Muhammad bin Sulayman al-Sa'idi al-Shindwili al-Azhari. Haji Hassan bin Ismail pernah digelar sebagai Sheikh Al-Muqri oleh guru beliau iaitu Sheikh al-Qurrā Muhammad bin Sulayman al-Sa'idi al-Shindwili al-Azhari.

Mendalami al-Quran di Makkah

Dalam mendalami al-quran, Tuan Haji Hassan menerima didikan al-quran secara langsung daripada ayahandanya seawal usia 6 tahun. Seterusnya Haji Hassan melanjutkan pengajian dalam bidang al-quran bersama beberapa guru al-quran yang terkenal di Mekah. Antaranya ialah Syeikh Abdullah bin Qasim Sanggora, Syeikh Muhammad Nur bin Abdullah sanggora dia merupakan anak kepada Abdullah Qasim Sanggora, Syeikh Yahya bin Abdullah Sanggora. Ketiga-tiga gurunya dipelajari ketika Haji Hassan berada di Mekah al-Mukarramah. (Abd Mutalib Abd Rahim, 2008, p. 29)

Minat Tuan Haji Hassan dalam mempelajari al-quran tidak terhenti di Makkah sahaja, bahkan Haji Hassan melanjutkan pengajiannya ke Mesir dan berguru dengan beberapa orang guru yang terkenal di Mesir. Selanjutnya beliau mendalami al-quran bersama Sheikh Amir Bin al-sayyid bin Uthman al-Misri al-Azhari di Maahad al-Tajwid wa al-Qiraat al-Azhar sekitar tahun 1940. Dikesempatan itu juga, Tuan Haji Hassan bin Ismail telah berguru bersama Sheikh Muhammad bin Sulaiman Al Saidi al-Shindwili Al Azhari. Selain itu, Tuan Haji Hasan bin Ismail juga berkebolehan dalam taranun al-Quran.

Perkahwinan Sheikh Hassan Bin Ismail

Setiap sesuatu yang dicipta oleh Allah adalah mempunyai pasangan tersendiri. begitu begitu juga yang berlaku ke atas manusia. Setiap manusia dicipta berpasang-pasangan Pasangan yang paling awal di kalangan manusia adalah Nabi Allah Adam A.S dengan pasangannya Siti Hawa. Melalui

perkongsiian hidup bersama pasangan menjamin ketenangan dan kasih sayang di antara satu sama lain. Ini dapat dibuktikan melalui firman Allah swt dalam surah al-Rum ayat 21 iaitu:

(وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَعْتَكِرُونَ)

Maksudnya: Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmatNya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikanNya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir.

Tuan Haji Hassan bin Ismail telah memilih Hajah Maimun binti Muhammad sebagai pasangan hidup beliau. Isteri beliau berasal dari daerah Segamat, Johor. Sepanjang perkongsian hidup bersama Hajah Maimun binti Muhammad, beliau ditakdirkan tidak dikurniakan zuriat. Tuan Haji Hassan bin Ismail reda dengan ketentuan Allah swt dan sebagai alternatif beliau membuat keputusan untuk mengambil seorang anak angkat perempuan untuk dijadikan sebagai penyeri dalam keluarga. Anak angkat yang pertama Tuan Haji Hassan ialah Narimah Hanim yang berasal dari daerah Kluang. Keputusan ini diambil ketika Tuan Haji Hassan bin Ismail bertugas sebagai Kadi di daerah Kluang.

Namun demikian, semasa beliau ditugaskan sebagai kadi di daerah Mersing Haji Hassan bin Ismail telah menambah anak angkatnya yang berasal dari daerah tersebut. Anak angkatnya yang dimaksudkan itu ialah Bahijah Hanim. Menurut Abd Mutalib bin Abd Rahim. Semasa sesi temu ramah bersama Bahijah Hanim mengesahkan bahawa Tuan Haji Hassan bin Ismail mengambil tiga orang anak angkat tambahan di kalangan keluarga yang terdekat iaitu Ishak bin Ismail dan Aris bin Ismail. Mereka berdua merupakan sepupu Haji Hassan bin Ismail. Manakala seorang lagi iaitu Fadzlun binti Yun.

Zuriat keturunan Haji Hasan bin Ismail adalah berbeza berbanding dengan ayahnya. Ayahnya iaitu Haji Ismail bin Yusof dikurniakan 15 orang anak melalui dua orang isteri manakala Tuan Haji Hassan bin Ismail tidak dikurniakan zuriat dan hanya mempunyai seorang isteri. Hal ini mendorong Haji Hassan bin Ismail untuk mengambil anak angkat seramai lima orang. Dua daripada anak angkatnya adalah lelaki dan merupakan saudara terdekat manakala tiga orang daripadanya adalah perempuan.

Peranan Majalah Warta Jabatan Agama Islam Johor

Majalah Warta Jabatan Agama Johor menyediakan satu ruang khusus untuk Tuan Haji Hassan bin Ismail berkongsi ilmu pengetahuan. Menurut Abdul Latiff bin Jefri Majalah Warta Jabatan Agama Johor merupakan majalah yang kedua diterbitkan di Malaysia selepas 32 tahun Majalah Pengasuh terbitan Majlis Agama Islam Kelantan.

Idea untuk menerbitkan majalah Warta Jabatan Agama Johor diambil setelah menyedari akan kepentingan penulisan berbentuk ilmiah dan keagamaan. Ini merupakan langkah susulan selepas Majlis Agama Islam Kelantan mengambil inisiatif untuk menerbitkan Majalah Pengasuh. Majalah

Warta Jabatan Agama Johor menerima sentuhan awal oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz dan menggunakan tulisan jawi sabagai medium penyampaian (Kementerian Hal Ehwal Ugama, 1999, p. 21).

Menyedari akan kepentingan penulisan berbentuk ilmiah, Jabatan Agama Johor mengambil langkah untuk menerbitkan majalah yang di kelola oleh Jabatan Agama Johor. Langkah ini disusuli dengan negeri-negeri Tanah Melayu seperti Negeri Kedah iaitu suara Majlis Agama Islam Negeri Kedah diterbitkan pada tahun 1965, Negeri Sembilan iaitu al-Huda diterbitkan pada tahun 1968, Sabah iaitu sinar usia diterbitkan pada tahun 1970, Terengganu iaitu Saujana diterbitkan pada tahun 1974, Wilayah Persekutuan iaitu Suara Jabatan Agama diterbitkan pada tahun 1960 dan Menara diterbitkan pada tahun 1975. Kemudian disusuli pula negeri Selangor iaitu al-Hidayah diterbitkan pada tahun 1975 dan Al-Ehsan diterbitkan pada tahun 1976 dan diakhiri negeri Pahang iaitu Suara Jabatan Agama Pahang diterbitkan pada tahun 1976 (Abd Mutalib Abd Rahim, 2008, p. 114).

Sumbangan Tuan Haji Hassan bin Ismail dalam Majalah Warta Jabatan Agama Islam Johor

Penulisan Tuan Haji Hassan bin Ismail yang terdapat pada Majalah Warta Jabatan Agama Johor berkisarkan tentang ilmu pengajian al-quran terutamanya dalam bidang qiraat. Penulisan dalam bidang qiraat pada ketika itu amat terhad berbanding dalam bidang lain seperti tafsir Quran, tajwid dan sebagainya. Antara isu yang dikupas sepanjang penerbitan di dalam majalah Warta Majlis Agama Johor adalah berkaitan tentang salasilah sanad al-quran seperti sanad Imam Nafi', Imam Ibn Katsir, dan imam Abu Amru al-Basri berserta perawi setiap Imam qiraat. Penulisan Tuan Haji Hassan bin Ismail berkaitan tentang ilmu sanad Al Quran di alam Melayu dianggap sebagai tulisan yang terawal. Penulisan Tuan Haji Hassan bin Ismail diterbitkan di dalam majalah Warta Jabatan Agama Johor Bilangan 106, 108, 109, 111 dan 126. (Abd Mutalib Abd Rahim, 2008, p. 115) Pengkaji mengesahkan Majalah Warta Jabatan Agama Johor ada tersimpan di Arkib Negara Malaysia.

Tinjauan Kitab Tajwid

Pada Majalah Warta Jabatan Agama Islam Johor bilangan 111 keluaran pada Julai tahun 1959, tuan Haji Hassan bin Ismail membincangkan dengan terperinci tentang tinjauan beliau dalam ilmu tajwid. Tajuk yang diperkenalkan oleh beliau adalah "Penyelidikan Berkenaan Kitab-Kitab Tajwid Bahasa Melayu dan Qiraat".

Tuan Haji Hassan bin Ismail memulakan perbicaraannya dengan puji-pujian kepada Allah swt dan Junujungan Besar Nabi Muhammad saw. Kemudian beliau memperkenalkan tujuan penulisan beliau iaitu peranan ulama Nusantara dalam menterjemahkan kitab-kitab Tajwid dan Qiraat ke dalam Bahasa Melayu dan penerimaan masyarakat terhadap ilmu Tajwid dan Qiraat sekali dapat mengabadikan dan mengekalkan jasa-jasa ulama Nusantara dalam menterjemahkan ilmu tajwid dalam Bahasa Melayu. Sebahagian besar kitab yang diterjemah dijadikan sebagai silibus pengajian di sekolah-sekolah, pondok-pondok, madrasah-madarah, surau-surau dan masjid-masjid. Kemudian beliau menjelaskan bahawa penyelidikan yang dijalankan adalah secara sukarela yang semata-mata kerana Allah dan sebagai sajian kepada pembaca terutamanya bagi menreka yang mendalami ilmu al-Quran.

Perbincangan kitab-kitab tajwid yang diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu melibatkan 5 buah kitab. Antaranya ialah:

- i. Kitab *Tuhfatu al-Ikhwan fi Tajwid al-Quran* (Pada Bicara Hukum Tajwid al-Quran)
Kitab *Tuhfatu al-Ikhwan fi Tajwid al-Quran* merupakan karangan Syeikh Ismail bin Abdul Mutalib al-Asy'i cetakan Percetakan al-Miriah Ummu al-Qura di Makkah al-Mukaramah³⁰². Kitab ini disempurnakan pada bulan Jamadil Awal tahun 1311H di Makkah al-Mukaramah. Kitab ini mempunyai 12 helaian dari bilangan 1 hingga 23. Menurut Tuan Haji Hassan bin Ismail kitab ini sudah berusia 58 tahun pada tahun penerbitan Majalah Warta Jabatan Agama Islam Johor bilangan 111. Sehingga kini kitab tersebut telah menjangkau 118 tahun pada tahun 2019.
- ii. Menurut catatan Tuan Haji Hassan bin Ismail terdapat satu salinan kecil berkenaan kitab tajwid yang mana nama pengarang tidak dinyatakan. Tuan Haji Hassan bin Ismail menjelaskan bahawa pengarang kitab tersebut tidak meletakkan nama pada tulisannya semata-mata untuk menjaga waraknya sehingga tergolong di kalangan golongan yang riak dan sum'ah. Kitab ini mempunyai 3 helaian yang merangkumi hukum-hukum lima, Idgham, Makhraj dan Sifat Huruf, Lam dan Ra, Mad, Wakaf dan sebagainya. Namun usia kitab tersebut tidak dapat dikenalpasti disebabkan oleh tiada tarikh terbit.
- iii. Kitab *Mawrid al-Zam'an*
Nama penuh kitab ini adalah *Mawrid al-Zam'an fi ma Yata'Ilq bi Tajwid al-Qur'an*. Kitab ini merupakan kitab yang diterjemah oleh Syeikh Abdullah bin Muhammad Qasim al-Fiqhi al-Sanquri dan dikenali Tok Senggora. Kitab asal adalah dikarang oleh Sheikh Muhamad Makki Nasr al-Jarisi al-Qurra'. Namun demikian, menurut Shahrudin Saad kitab *Mawrid al-Zam'an* tidak dinyatakan sumber penulisan yang asal dan kitab ini merupakan kitab yang terasal yang membicarakan tentang ilmu tajwid secara lengkap (Shahrudin bin Saad, 2014).

Menurut pemerhatian Tuan Haji Hassan bin Ismail Kitab ini mengandungi 112 helaian bermula dari muka surat 1 hingga 223. Manakala tarikh selesai tamat penterjemahan adalah pada hari Selasa 17 Syaban 1315 H di Makkah al-Mukarramah. Seperti *Tuhfatu al-Ikhwan fi Tajwid al-Quran*, kitab ini dicetak di Percetakan *al-Miriah Ummu al-Qura* di Makkah al-Mukaramah. Pada pemerhatian Tuan Haji Hassan bin Ismail, kitab ini telah berusia hampir 64 tahun (Tuan Haji Hassan Bin Ismail, 1959). Sehingga kini, kitab ini telah berusia 124 tahun pada tahun 2019.
- iv. Kitab *Siraj al-Qari fi Tajwid Kalam al-Bari*
Kitab *Siraj al-Qari fi Tajwid Kalam al-Bari* dikarang oleh Sheikh Muhamad Salih bin Zainal Abidin bin Muhamad al-Fatani. Pengarang telah menyempurnakan penulisan beliau pada tahun 1308H bersamaan 1891M dan mempunyai 36 helaian bermula dari muka surat 1 hingga muka surat 72. Menurut Tuan Haji Hassan bin Ismail bahawa pendekatan pengarang kitab ini agak berbeza berbanding dengan kitab tajwid yang lain. Kemudian beliau menyenaraikan beberapa kelainan atau keistimewaan yang terdapat dalam kitab *Siraj al-Qari fi Tajwid Kalam al-Bari*. Antaranya ialah:

³⁰² *Ibid.*

- a. Menerangkan dengan lengkap berkaitan dengan Imam Qurra Tujuh dan setiap perawi Imam serta riwayat hidup mereka.
 - b. Menerangkan syarat bagi mereka yang ingin mempelajari qiraat tujuh atau dikenali sebagai bacaan Jama'.
 - c. Menerangkan perkara yang berhubung dengan kitab Allah dan syarat-syaratnya.
 - d. Menerangkan perkara yang berhubung dengan ilmu penulisan al-Quran.
 - e. Membawa beberapa hadith yang berkaitan dengan al-Quran, ahlinya dan khatam al-Quran.
- v. *Kitab Ithaf al-Murid*
Kitab *Ithaf al-Murid* merupakan kitab karangan Tuan Haji Muhamad Tahir Jalaluddin. Kitab ini merupakan rujukan utama dalam silibus pengajian al-Quran di sekolah-sekolah di semenanjung Malaysia dan digunapakai semenjak tahun 1928M.

Pandangan Tuan Haji Hassan bin Ismail dalam ilmu Tajwid dan Qiraat

Seterusnya Tuan Haji Hassan bin Ismail meneruskan perbicaraan beliau mengenai pendapat beliau berdasarkan kepada pemerhatian dan pengalaman beliau bertugas sebagai kerja-kerja yang berhubung dengan al-Quran selama 2 tahun 10 bulan bermula dari tahun 1947 hingga Oktober 1949. Antara pemerhatian yang telah disenaraikan adalah seperti berikut:

- a. Beliau menyarankan bahawa kepada sesiapa yang ingin mendalami ilmu tajwid terlebih dahulu membaca kesemua buku tajwid karangan ulama Melayu yang telah dijelaskan oleh beliau bagi memudahkan pemahaman dan pembelajaran. Di samping tidak mengetepikan ulama Melayu dalam mendalami ilmu tajwid.
- b. Beliau menyarankan bahawa kitab-kitab yang telah beliau bincangkan dijadikan sebagai satu kitab utama. Isi kandungan kitab utama ini meliputi kesemua topik perbincangan yang terdapat dalam keseluruhan kitab tersebut. Melalui kaedah ini dapat menjimatkan masa pembaca dalam pembahasan mana-mana tajuk yang biasa dibincangkan dalam setiap kitab.
- c. Berdasarkan pemerhatian beliau belum ada penulisan ilmu tajwid berserta ilmu Qiraat yang ditulis secara lengkap dalam Bahasa Melayu samada mengikut bacaan riwayat Hafs atau mana-mana Imam Qiraat.
- d. Dalam pemerhatian beliau juga mendapati tiada satu kitab yang membicarakan tentang ilmu Qiraat di dalam Bahasa Melayu dalam tempoh 90 tahun yang terdahulu walaupun di sana terdapat bangsa Melayu yang berkebolehan dalam ilmu Qiraat.
- e. Terdapat juga di kalangan qari yang membaca qiraat selain daripada Qiraat riwayat Hafs seperti riwayat Qalun atau Warsy di sesuatu majlis semata-mata untuk ambil barakah.
- f. Terdapat juga beberapa individu mempelajari ilmu Qiraat dan berkemampuan membaca beberapa riwayat Qiraat namun belum sampai tahap yang memuaskan sehingga terlepas daripada tuntutan fardu kifayah. Ilmu Qiraat yang terdapat pada ketika itu masih lemah dan hanya untuk kegunaan diri sendiri apatah lagi untuk mengarang kitab berkaitan ilmu Qiraat.

- g. Beliau menegaskan bahawa minat terhadap ilmu Qiraat di kalangan masyarakat berkurangan tambahan pula sukar untuk memenuhi syarat iaitu diwajibkan menghafaz 30 juzuk al-Quran. Menurut beliau ilmu Qiraat antara ilmu yang mempunyai ribuan kaedah-kaedah yang perlu dihafal tidak cukup sekadar membaca buku matapelajaran yang lain. Selain itu, ilmu Qiraat mempunyai kaedah yang berselerakan di antara surah-surah dalam al-Quran.
- h. Harulah memberi galakan yang seimbang dan sesuai dengan usaha yang dibuat semamata-mata kerana Allah SWT kerana hal ini berkaitan dengan dengan agama. Di samping itu juga usaha ini merupakan satu kewajipan yang mesti disempurnakan oleh setiap muslim yang berkebolehan. Begitu juga dinyatakan kedudukan yang setimpal untuk golongan ahli Quran seperti mana yang terdapat pada zaman terdahulu.
- i. Disaran juga untuk menyebarkan ilmu Qiraat kepada masyarakat umum. Oleh yang demikian bagi mereka yang mempunyai kelebihan dan pengetahuan berkaitan dengan ilmu Qiraat bersepakat untuk menterjemah dan mentarjihkan kaedah-kaedah bacaan riwayat yang lain sehingga tertubuhnya sekolah khas. Sekiranya ilmu Qiraat tidak diberi perhatian dikhuatiri ilmu Qiraat tidak tersebar dan terus lenyap dalam masyarakat sekali gus kewajipan menyebarkan ilmu Qiraat tidak terlepas dari tuntutan fardu kifayah buat selama-lamanya.

Dapatan Kajian

Tuan Haji Hassan bin Ismail adalah seorang yang pakar dalam ilmu tajwid dan Qiraat

Hasil pemerhatian pengkaji terhadap Tuan Haji Hassan bin Ismail mendapati bahawa beliau sememangnya layak untuk membicarakan tentang ilmu Qiraat. Jika diteliti akan sejarah pengajian dan pengalaman beliau dalam bidang Qiraat. Tambahan pula, Tuan Haji Hassan bin Ismail mendapat gelaran *al-Muqri'* oleh guru beliau iaitu Sheikh Amir Bin al-sayyid bin Uthman al-Misri al-Azhari.

Menurut Uwe Flick menerusi Bongner dan Menz menjelaskan maksud pakar yang dikaitkan dengan seseorang iaitu pakar merupakan satu interpretasi proses yang mengabungkan ilmu pengetahuan dan teknikal berdasarkan kepada bidang yang diceburi. Manakala bagi pakar pengetahuan bukan sahaja terdiri daripada *systematy* dan *reflexively* ia juga melibatkan pengamalan sesuatu ilmu pengetahuan dalam ruang lingkup yang besar (Uwe Flick, 2009). Berdasarkan takrifan di atas, maka layaklah Tuan Haji Hassan bin Ismail diketogorikan sebagai pakar bidang yang beliau ceburi.

Penulisan kitab Tajwid di Alam Melayu

Penulisan buku tajwid pertama adalah bermula pada qurun keempat Hijrah. Namun demikian terdapat penulisan berbentuk makallah dan qasidah yang terdapat lebih awal. Kahirul Anuar Mohamad memetic daripada Ahmad Khalid dalam penulisannya iaitu *al-Munir fi Ahkam al-Tajwid* menjelaskan bahawa makalah yang terawal yang dihasilkan berkaitan dengan ilmu tajwid ialah *Risalah fi al-Idgham al-Kabir* oleh Abu Amru bin al-Ala' al-Basri (m154H) dan *Urjuzah fi Tilawah*

al-Quran oleh Qalun al-Madani manakala kitab yang terawal yang dihasilkan ialah *Qasidah Ra'iyah* oleh Abu Muzahim Musa al-Khaqani (m.325H) (Khairul Anuar Mohamad, 2014).

Seterusnya penulisan ilmu tajwid di alam melayu dapat dikesan bermula pada tahun 1193H/1779M yang dikarang oleh Ibnu Syeikh Abdul Mu'ti Ibnu Syeikh Muhammad Salih³⁰³. Kitab yang dimaksudkan ialah *Mir'at al-Quran fi Tashil li Ma'rifati Ahkam al-Tajwid lil Mulkil Wahhab* (Mohd Asmadi Yakob, 2014). Kitab ini merupakan satu peninggalan yang amat berharga bagi bangsa melayu. Menurut Saharuddin Saad kitab ini sukar diperolehi di kedai-kedai buku biasa, bahkan ia tersimpan di Muzium Kesenian Islam dan Ustaz Syamsuddin Sidek³⁰⁴ dan disenaraikan beberapa rujukan yang berkaitan dengan kitab *Mir'at al-Quran fi Tashil li Ma'rifati Ahkam al-Tajwid lil Mulkil Wahhab* (Saharuddin Saad, 2015). Antaranya ialah:

- i. *Mir'at al-Qur'an Fi Tashil Ma'rifah Ahkam al-Tajwid Li Milk al-Wahhab*, bertarikh tahun 1778, nombor kod rujukan 87, mempunyai 74 halaman, manuskrip ini baik dan lengkap.
- ii. *Mir'at al-Qur'an Fi Tashil Ma'rifah Ahkam al-Tajwid Li Milk al-Wahhab*, bertarikh tahun 1778, nombor kod rujukan 628, mempunyai 94 halaman dan manuskrip yang lengkap.
- iii. *Mir'at al-Qur'an Fi Tashil Ma'rifah Ahkam al-Tajwid Li Milk al-Wahhab*, nombor kod rujukan ialah 91, tanpa tarikh, hanya mempunyai 20 halaman dan manuskrip ini tidak lengkap. Manuskrip ini juga didapati bercampur dengan bidang Tasawwuf karya Syeikh Daud Fatani.
- iv. *Mir'at al-Qur'an Fi Tashil Ma'rifah Ahkam al-Tajwid Li Milk al-Wahhab*, bertarikh tahun 1778, nombor kod rujukan 602, mempunyai 16 halaman sahaja dan manuskrip ini tidak lengkap.

Namun begitu, penulisan kitab Tajwid yang dinayatakan oleh Tuan Haji Hassan Bin Ismail tidak menyatakan kitab *Mir'at al-Qur'an Fi Tashil Ma'rifah Ahkam al-Tajwid Li Milk al-Wahhab*. Meskipun demikian, kitab Tajwid yang di karang dalam Bahasa Melayu mula berkembang mengikut peredaran zaman. Wan Mohd. Shaghir Abdullah menyenaraikan kitab Tajwid susulan yang terdapat di Alam Melayu (Mohd Asmadi Yakob, 2014):

- i. Tuhfatul Murid karya Muhammad Said Ibnu Hasan, diselesaikan tahun 1266H/1849M.
- ii. Risalah Tajwid karya Aminuddin bin Nuruddin bin Husein, diselesaikan tahun 1286H/1869M.
- iii. Al-Mawahibul Makkiyah karya Syeikh Abdul Qadir bin Abdur Rahman al-Fatani diselesaikan tahun 1296H/1879M.
- iv. Sirajul Qari karya Syeikh Muhammad Salih bin Zainal Abidin al-Fatani diselesaikan tahun 1308H/1891M.
- v. Tuhfatul Ikhwan karya Syeikh Ismail bin Abdul Mutalib al-Asyi, diselesaikan tahun 1311H/1893M.
- vi. Ilmu Tajwid dalam bahasa Melayu ialah Mauriduz Zumaan karya Syeikh Abdullah bin Qasim as-Sanquri (Senggora) diselesaikan tahun 1315H/1898M. kiytab ini yang dinyatakan dalam pemerhatian Tuan Haji Hassan bin Ismail.

Kesimpulan

³⁰³ Abu Zahrah. *Op. Cit.* Hal. 136.

³⁰⁴ Faruq cAbdul Mu'ctiyy. 1992. *Imam al-Shafi'iy.* Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. Hal. 99.

Hasil daripada pemerhatian Tuan Haji Hassan bin Ismail dapat disimpulkan bahawa terdapat tokoh ulama al-Quran di kalangan orang Melayu yang menjadi rujukan masyarakat terutamanya di kalangan masyarakat Melayu Nusantara. Sumbangan tokoh ulama Melayu dalam bidang al-Quran terutamanya ilmu Tajwid dan Qiraat dapat mempengaruhi dan memudahkan masyarakat untuk mendalami ilmu Tajwid dan Qiraat. Beliau juga menjelaskan bahawa penulisan terhadap ilmu Tajwid dan Qiraat dalam Bahasa Melayu amat kurang berbanding mereka yang mampu menguasai ilmu tajwid dan Qiraat malah ada yang mahir dalam ilmu tersebut. Oleh yang demikian, pemerhatian dan lontaran idea Tuan Haji Hassan bin Ismail perlu diambil perhatian yang serius agar pengajian ilmu Tajwid dan Qiraat selari dengan kemajuan pendidikan semasa.

Rujukan

- Abd Mutalib Abd Rahim. (2008). *Tuan Haji Hasan bin Ismail: Sumbangannya Terhadap Pengajian al-Quran di Johor*. UM, Akademi Pengajian Islam. Kuala Lumpur: UM.
- Kementerian Hal Ehwal Ugama. (1999). *Tokoh Ugama Tahun Hijrah 1413, Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz*. Brunei Darussalam: Pusat Dakwah Islamiah, Kemneterian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.
- Khairul Anuar Mohamad. (2014). Pandangan al-Mirsafi Terhadap Beberapa Hukum dalam Ilmu Tajwid Melalui Kitab Hidayah al-Qari ila Tajwid Kalam al-Bari. *Qiraat*, 101-111.
- Mohd Asmadi Yakob, M. A. (2014). MANUSKRIP AL-QUR'AN DAN ILMU-ILMUNYA (ULUM AL-QUR'AN) DI ALAM MELAYU : TUMPUAN TERHADAP MANUSKRIP ILMU TAJWID. *Perpustakaan Negara Malaysia* (pp. 1-11). Kuala Lumpur : Perpustakaan Negara Malaysia.
- Saharuddin Saad, Z. D. (2015). SYEIKH 'ABD AL-MU'TI BIN SYEIKH MUHAMMAD SALEH PENGARANG KITAB TAJWID PERTAMA DI ALAM MELAYU. *2nd INTERNATIONAL RESEARCH MANAGEMENT & INNOVATION CONFERENCE (IRMIC 2015)* (pp. 1-9). Langkawi : KUIS.
- Shaharuddin bin Saad. (2014). TOK SENGGORA: SUMBANGANNYA TERHADAP PENULISAN KITAB TAJWID LAMA DI MALAYSIA. *International Research Management and Innovation Conference* (pp. 376-387). Kuala Lumpur : KUIS.
- Tuan Haji Hassan Bin Ismail. (1959). Penyelidikan Berkenaan Dengan Kitan-Kitab Tajwid Bahasa Melayu dan Qiraat. In *Majalah Warta Jabatab Agama Islam Johor* (pp. 8-15). Johor Bharu: Jabatan Agama Islam Johor.
- Ungku Mohd Zaman Tahir. (2001). *Segamat dan Mitosnya Bahagian 2*. Johor: PGI CIPTA SDN BHD.
- Uwe Flick. (2009). *An Introduction to Qualitative Research*. London: SEGA publication .